

09/03/2003

'Kita tidak melobi jawatan Ketua Menteri'

Amirullah Andi Nur

DATUK Musa Aman, 52, (gambar) adalah seorang tokoh korporat yang berjaya sebelum menceburi politik dan ternyata dia menaiki tangga hierarki kepimpinan negeri dengan begitu pantas.

Dalam Kabinet Sabah, Musa pernah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Ketua Menteri sebelum menjadi Menteri Kewangan, portfolio yang disandangnya sekarang, selain sebagai pemangku Ketua Menteri.

Banyak spekulasi dan khabar angin tersebar sebelum pengumuman mengenai pelantikan Musa sebagai pemangku Ketua Menteri dibuat pada 4 Mac lalu. Bagaimana perasaannya? Wartawan Berita Minggu, AMIRULLAH ANDI NUR, mendapatkan pandangan beliau ketika mengikuti lawatannya ke Semporna, di pantai timur Sabah, kelmarin.

TAHNIAH atas pelantikan Datuk sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru. Apakah perasaan Datuk selepas diumumkan memegang jawatan ini?

Terima kasih. Saya rasa bersyukur, tetapi perasaan saya seperti biasa saja. Cuma apa yang berlainan ialah pegawai dan kakitangan di pejabat saya sudah pasti banyak kerja yang perlu dibereskan berbanding sebelum ini.

Apakah Datuk menyedari pengumuman mengenai pelantikan ini dibuat oleh Perdana Menteri pada 1 Muharram atau tahun baru dalam kalendar Islam. Mungkin Datuk ada melihat signifikannya?

Ia adalah satu bulan rahmat bagi kita umat Islam. Kita percaya ia adalah bulan baik, hari baik dan kita terima ini dengan baik.

Sebelum pengumuman mengenai pelantikan Datuk menjadi Ketua Menteri, Selasa lalu oleh Perdana Menteri, difahamkan ada pihak tertentu yang melobi bagi jawatan itu. Apakah ini benar?

Seperti saya katakan sebelum ini, tiada siapa yang melobi (bagi mendapatkan jawatan Ketua Menteri). Sebarang keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kita sentiasa akur dan menerimanya secara terbuka. Oleh yang demikian, saya berharap agar rakan dalam Umno terus bersatu dan bekerjasama dalam perjuangan. Apa yang penting kita mestilah terus berkhidmat kepada rakyat, negeri dan kerajaan.

Apakah Datuk melihat perpecahan akibat daripada keadaan itu?

Tidak ada. Saya ingin mengulangi bahawa tidak berlaku keadaan itu (melobi), pasal kita dalam keluarga Umno sudah bersedia. Umno adalah parti yang tertib serta mempunyai disiplin cukup tinggi. Malah sebelum ini, kita kerap mengulangi, siapa saja yang dilantik menjadi Ketua Menteri oleh Perdana Menteri, kita akan setuju dan menerimanya. Jadi tidak wujud persoalan mengenai perpecahan kerana dalam Umno kita mempunyai peraturan. Sesungguhnya, perkara ini adalah masalah kecil dan kita meminta semua pihak jangan sekali-kali mendengar gosip yang disebar oleh pihak tidak bertanggungjawab ini.

Datuk Chong Kah Kiat selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri, Rabu lalu berkata Datuk wajar diberi peluang membentuk pasukan Kabinet sendiri. Bagaimana Datuk melihat cadangan ini?

Saya akan fikirkannya apabila tiba masa nanti. Sekarang ini saya hanya memangku (jawatan Ketua Menteri) dan akan terus menjalankan tugas-tugas biasa Ketua Menteri.

Mungkin Datuk sudah mendapat gambaran awal, termasuk mengenai cadangan memasukkan Ahli Dewan Undangan Negeri Parti Bersatu Sabah (PBS)?

Kita akan umumkan apabila tiba masanya.

Berdasarkan pengalaman lalu, isu mengenai rombakan Kabinet negeri tidak reda sehinggalah Datuk mengumumkan barisan kepimpinan Datuk pada

penghujung bulan ini. Jadi apa nasihat Datuk kepada penyokong parti berhubung isu ini?

Saya berharap jangan lagi ada pihak yang menyebarkan gosip seperti ini. Hentikanlah. Janganlah buat spekulasi yang bukan-bukan kerana saya sendiri belum lagi memikirkan mengenainya. Apa yang saya tumpukan ketika ini adalah untuk menjalankan tugas Ketua Menteri.

Akhir sekali, Datuk akan mengangkat jawatan pada 28 Mac ini sebagai Ketua Menteri Sabah ke-14. Dan dua hari selepas itu pula Datuk bakal menyambut ulang tahun ke-52. Apakah ini dianggap sebagai hadiah istimewa buat Datuk?

(Tersenyum dan ketawa)...no komen.